



GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENYELIDIKAN UNIVERSITI 2.0 (DPU 2.0) PINDAAN TAHUN 2021

1.0 TUJUAN

Dana Penyelidikan Universiti 2.0 diwujudkan bertujuan menggalakkan penyelidikan yang kompetitif di Universiti Sultan Zainal Abidin dalam semua bidang ilmu serta meningkatkan hasil penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif. Dana ini juga turut menggalakkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara universiti dan industri serta masyarakat.

2.0 SYARAT UMUM PERMOHONAN

Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (pensyarah) di UniSZA dengan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Pensyarah tetap atau kontrak gred 51/52 dan ke atas yang mempunyai kelulusan PhD atau setaraf.
- 2.2 Pemohon pernah mengetuai mana-mana geran penyelidikan kompetitif (geran penyelidikan dalaman atau luar) dan telah selesai sepenuhnya (100%). Geran penyelidikan kompetitif ditakrifkan sebagai geran yang dibuka kepada pensyarah/penyelidik yang berkelayakan mengikut syarat pemberi dana dan mempunyai proses permohonan, penilaian serta penawaran sebelum diluluskan.
- 2.3 Tidak mengetuai geran penyelidikan dalaman atau luar yang aktif semasa permohonan dibuka.
- 2.4 Pensyarah kontrak hanya layak memohon sekiranya tempoh kontrak masih berbaki minima enam (6) bulan dari tarikh mula permohonan.
- 2.5 Hanya satu (1) permohonan projek (Ketua Projek) sahaja dibenarkan pada setiap fasa permohonan DPU. Namun begitu, pemohon layak untuk menjadi ahli penyelidik bagi permohonan lain.
- 2.6 Pensyarah sedang cuti belajar tidak dibenarkan untuk mengetuai projek penyelidikan. Walau bagaimanapun, pensyarah tersebut boleh menjadi ahli penyelidik bersama.

- 2.7 Ahli kumpulan dalam satu projek (tidak termasuk ketua projek) adalah tidak melebihi empat (4) orang. Komposisi ahli boleh terdiri daripada kakitangan akademik atau/dan pihak industri/agensi kerajaan/agensi luar/institusi dalam negara sahaja dan sekurang-kurangnya seorang (1) ahli mestilah kakitangan akademik UniSZA.

3.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah dua (2) hingga tiga (3) tahun sahaja.

4.0 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan bagi menjalankan projek penyelidikan di bawah dana ini untuk tahun 2021 adalah tidak melebihi **RM 50,000.00** untuk Bidang Sains & Teknologi dan **RM 35,000.00** untuk Bidang Sains Sosial.

5.0 HASIL PENYELIDIKAN

5.1 Modal Insan

Setiap projek disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D **atau** seorang (1) pelajar Sarjana sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant – GRA).

5.2 Penerbitan

Setiap projek disyaratkan untuk menghasilkan penerbitan sepertimana berikut:-

- a) Bagi bidang Sains Sosial, setiap projek hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/ WOS.
- b) Bagi bidang Sains & Teknologi, setiap projek hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/ WOS.

5.3 Harta Intelekt

- a) Pendaftaran harta intelek adalah tidak diwajibkan, bergantung kepada hasil penyelidikan.
- b) Harta intelek yang dihasilkan adalah menjadi hak milik Universiti.

6.0 KAEDAH PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan mestilah dibuat di atas talian melalui Sistem e-CREIM yang boleh dicapai melalui Portal Sistem Aplikasi UniSZA.

- 6.2 Setiap permohonan perlu melalui pengesahan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Institut (JPFI) sebelum dihantar ke peringkat CREIM.

7.0 KRITERIA PENILAIAN

- 7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang berbentuk penghasilan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- 7.2 Penyelidikan yang menyokong perkembangan kepakaran dalam 'niche area' dan penerokaan bidang-bidang baru untuk dijadikan kekuatan dalam bidang penyelidikan universiti dan kepentingan negara; atau
- 7.3 Penyelidikan yang membangunkan kolaborasi nasional dan rangkaian inovasi yang mampu memperkembangkan dan memanfaatkan pengetahuan baru dan teknologi terkini; atau.
- 7.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menggunakan hasil penyelidikan dalam pembangunan negara.

8.0 PERATURAN KEWANGAN

8.1 **Vot 11000 Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah**

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Pembantu Penyelidik (RA). Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT. **Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.*

8.2 **Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan**

Perjalanan dan pengangkutan

- 8.2.1 Perjalanan dalam negeri yang dibenarkan ialah yang bertujuan menghadiri persidangan bagi membentangkan hasil penyelidikan secara lisan atau poster/ seminar/ bengkel/ kolokium/ kerja lapangan yang berkaitan dengan penyelidikan.
- 8.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan CREIM/ pihak Universiti) perlu memenuhi kriteria di bawah:-
- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu Penyelidik Siswazah hanya

dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka dalam negara sahaja.

- b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/ bengkel/ kolokium yang berkait secara terus dengan penyelidikan.
- c) Bagi tujuan pembentangan hasil penyelidikan di luar negara, hanya pembentangan secara lisan dan akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS/ ESCI dan WoS sahaja dibenarkan.
- d) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- e) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti.
- f) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

8.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

8.3 Vot 24000 Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

8.4 Vot 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

8.5 Vot 28000 Baik Pulih Kecil Dan Ubahsuai

- i) Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- ii) Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh dana ini.

8.6 Vot 29000 Perkhidmatan Ikhtisas

- i) Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- ii) Pembayaran yuran penerbitan yang berkait secara langsung dengan projek penyelidikan yang diluluskan.
- iii) Pembayaran yuran persidangan secara atas talian (*virtual conference*) bagi membentangkan hasil penyelidikan secara lisan atau poster dalam atau luar negara oleh penyelidik/ penyelidik bersama/pembantu penyelidik siswazah (GRA).
- iv) Pembayaran upah bagi enumerator/ pembanci, juru lapangan/ juruanalisis dibenarkan untuk tempoh **maksimum enam (6) bulan** sahaja bagi setiap projek dan tertakluk kepada kecukupan geran.
- v) Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis
Merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

8.7 Vot 35000 Aksesori dan Peralatan

- i) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan.
- ii) Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi dan perkakasan ICT seperti workstation, laptop, iPad, hand phone, printer, stationery yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan. Justifikasi pembelian perlu dinyatakan semasa membuat permohonan geran.
- iii) Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan dana.

*Sebarang permohonan pembelian yang bernilai RM 3,000 dan ke atas perlu disertakan dengan satu (1) sebut harga.

9.0 PINDAHAN PERUNTUKAN

- i) Pindahan peruntukan hanya dibenarkan sekali setahun bagi setiap projek penyelidikan dengan kadar maksimum ditetapkan tidak melebihi 50% daripada jumlah asal setiap vot.

- ii) Pindahan peruntukan hanya dibenarkan selepas enam (6) bulan dari tarikh kelulusan projek penyelidikan.

10.0 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

Penyelidik **tidak dibenarkan** untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembayaran dan pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembayaran dan pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-

- 10.1 Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
- 10.2 Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
- 10.3 Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/computer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya);
- 10.4 Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
- 10.5 Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/kertas/meja/kerusi dan seumpamanya);
- 10.6 Pembelian peralatan storan (seperti external hardisk/pendrive/CD dan seumpamanya);
- 10.7 Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan penyelidikan.

11.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

- 11.1 Surat kelulusan penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) kepada para penyelidik yang berjaya setelah melalui proses penilaian.
- 11.2 Penyelidik hanya dibenarkan melakukan kerja-kerja penyelidikan setelah menerima surat kelulusan.
- 11.3 Keputusan penilaian adalah muktamad.

12.0 PEMANTAUAN

Semua projek yang diluluskan di bawah Dana Penyelidikan Universiti 2.0 (DPU 2.0) perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan.

Pemantauan projek penyelidikan perlu dihantar melalui sistem e-CREIM bagi tempoh **enam (6) bulan sekali**.

TARIKH-TARIKH PENTING PEMBUKAAN PERMOHONAN DANA PENYELIDIKAN UNIVERSITI 2.0 (DPU 2.0)

PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN		JUN – SEPTEMBER 2021	
BIL	PERKARA	TINDAKAN	TEMPOH
1.	Pengisian maklumat cadangan penyelidikan melalui sistem e-CREIM (Portal Staf Baharu)	<ul style="list-style-type: none"> Pensyarah 	21/6 (Isnin) – 12/7 (Isnin) (3 minggu)
2.	Pengesahan JPFI dalam sistem e-CREIM (termasuk tempoh pemulangan kepada pemohon untuk pemurnian peringkat PTj dan pengesahan JPFI)	<ul style="list-style-type: none"> JPFI 	13/7 (Selasa) – 2/8 (Isnin) (3 minggu)
3.	Pencalonan dan penghantaran nama panel penilai	<ul style="list-style-type: none"> JPFI 	3/8 (Selasa) – 5/8 (Khamis) (3 hari)
4.	Penetapan (<i>assign</i>) nama panel dalam sistem	<ul style="list-style-type: none"> CREIM 	8/8 (Ahad) – 10/8 (Selasa) (3 hari)
5.	Proses penilaian kertas cadangan peringkat dalaman (Reviewer) kali pertama	<ul style="list-style-type: none"> Panel Penilai 	11/8 (Rabu) – 24/8 (Selasa) (2 minggu)
6.	Pemurnian dan penghantaran semula (Resubmission) cadangan penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> Pensyarah 	25/8 (Rabu) – 31/8 (Selasa) (1 minggu)
7.	Proses penilaian kertas cadangan peringkat dalaman (Reviewer) kali kedua (akhir)	<ul style="list-style-type: none"> Panel Penilai 	1/9 (Rabu) – 7/9 (Selasa) (1 minggu)
8.	Proses semakan, perakuan serta kelulusan projek	<ul style="list-style-type: none"> CREIM, JkPP 	September 2021

***Cuti Hari Raya Aidiladha : 19-21 Julai 2021**